

Print

**PENYERAHAN SUMBANGAN KEMANUSIAAN COVID-19 DARIPADA KERAJAAN MALAYSIA KEPADA
REPUBLIK INDONESIA****15 SEPTEMBER 2021**

Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri Malaysia, telah menyerahkan peralatan dan bekalan perubatan berkaitan COVID-19 daripada Kerajaan Malaysia kepada Pemerintah Indonesia pada 15 September 2021 di Pangkalan Udara Subang, Selangor. Usaha ini mencerminkan hubungan baik dan kukuh di antara kedua-dua negara. Pelbagai Kementerian dan Agensi Malaysia telah bekerjasama rapat dalam menjayakan usaha ini.

Sebagai jiran terdekat, Malaysia dan Indonesia akan terus bekerjasama rapat dalam memerangi pandemik COVID-19.

Sumbangan yang dihulurkan Malaysia berupa ISO tank containers with liquid oxygen, oxygen concentrators, therapeutic medicines dan disposable medical items. TYT Hermono, Duta Besar Republik Indonesia ke Malaysia telah menerima sumbangan tersebut bagi pihak Pemerintah Indonesia. Penghantaran utama bantuan ini telah dihantar melalui pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan barangan selebihnya akan dihantar secara berperingkat.

Malaysia akan meneruskan kerjasama rapat dengan negara-negara anggota ASEAN dan rakan antarabangsa dalam menangani implikasi COVID-19 serta ke arah pemulihan sepenuhnya.

PUTRAJAYA**15 SEPTEMBER 2021**